



## RINGKASAN LAPORAN PROGRAM EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

---

### **LAWATAN KERJA DAN PENANDAARASAN EKSA KE JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA (JUPEM) NEGERI PERLIS**

**TARIKH** : 14 Februari 2018 (Rabu)  
**MASA** : 10.00 Pagi – 12.00 Tengahari  
**TEMPAT** : Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Negeri Perlis

#### **A. PENDAHULUAN**

Sesi Lawatan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam ini diadakan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) Negeri Perlis ke Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Negeri Perlis untuk melihat dan mempelajari bagaimana pelaksanaan program amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam dilaksanakan di Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Negeri Perlis bagi tujuan Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam dari MAMPU. Ini juga dapat membantu Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) Negeri Perlis untuk membuat penambahbaikan dalam proses pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam dengan bertukar-tukar pendapat dengan Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Negeri Perlis. Lawatan ini dihadiri seramai 5 orang kakitangan dari Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Negeri Perlis

#### **B. AKTIVITI**

Sesi lawatan dimulakan dengan taklimat oleh Encik Idris Bin Mat, Setiausaha EKSA JUPEM Negeri Perlis mengenai pendedahan Garis Panduan EKSA dan Amalan EKSA yang telah dilaksanakan oleh JUPEM. Selepas sesi taklimat, semua kakitangan JPPM Perlis dibawa melawat sekitar kawasan pejabat Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Negeri Perlis bagi melihat dengan lebih jelas berkaitan pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di jabatan tersebut.

### **C. OBJEKTIF**

1. Memberi pendedahan dengan lebih mendalam tentang pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam di dalam sesuatu jabatan.
2. Bertukar pendapat dan buah fikiran di antara Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Negeri Perlis dengan Jabatan Sukarelawan Malaysia Negeri Perlis.
3. Memberi panduan kepada kakitangan dalam melaksanakan Ekosistem Kondusif Sektor Awam.

### **D. SESI PENUTUP**

Sesi penutup diadakan dalam bentuk perbincangan bersama dengan semua kakitangan yang terlibat berkaitan pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam. Sesi ini diadakan bagi memberi ruang kepada kedua-dua pihak untuk bertukar-tukar pendapat dan pandangan berkenaan proses pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam dan isu-isu yang berkaitan. Hasil perbincangan dan rumusan lawatan akan dapat membantu Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Negeri Perlis untuk menambahbaik pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam dan sebagai persediaan ke arah pensijilan semula Ekosistem Kondusif Sektor Awam kelak. Program di akhiri dengan penyampaian sijil penandaarasan dari JPPM Negeri Perlis kepada JUPEM Negeri Perlis.

Disediakan oleh :

**(ANATI ZARIFAH BINTI ABDUL MALEK)**

Setiausaha

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia

Negeri Perlis

**FOTO – FOTO SEMASA**  
**LAWATAN KERJA DAN PENANDAARASAN EKSA**

